

**PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN SUBJEK
JABATAN 2006**

KOD KERTAS : 2006

**G8F
(GRED G17)**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen 1 dan Seksyen 2.

Seksyen 1 (A) dan 1 (B) : Jawab semua soalan.

Seksyen 2 : Jawab empat (4) daripada enam (6) soalan.

SEKSYEN 1(A) : Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

Baca dengan teliti kenyataan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat. Tulis jawapan dalam bentuk huruf A, B, C atau D pada kertas jawapan anda.

1. Jenis ikan yang sesuai untuk ternakan dalam kolam air payau ialah

- A Patin
- B Kerapu
- C Jelawat
- D Tilapia merah

2. *Oreochromis niloticus* ialah nama saintifik untuk ikan

- A Mrigal
- B Lee koh
- C Tilapia merah
- D Lampam jawa

3. Projek-projek akuakultur yang dikenakan lesen sekarang ialah

- A ternakan udang harimau dan udang galah
- B ternakan ikan dan udang galah dalam kolam
- C ternakan ikan dalam sangkar dan dalam kolam
- D ternakan ikan dalam sangkar dan ternakan udang harimau

4. Pemohon yang layak dipertimbangkan untuk bantyan Projek Akuakultur Komersial (CAP) mesti mempunyai jumlah keluasan kolam tidak kurang daripada
- A 0.02 hektar
 - B 0.04 hektar
 - C 0.20 hektar
 - D 0.40 hektar
5. Nilai caj setahun untuk sebuah sangkar perikanan ialah
- A RM1.00
 - B RM2.00
 - C RM3.00
 - D RM4.00
6. Makanan gentelan berumus terapung sesuai kerana
- A ia mudah disimpan
 - B ia tidak mencemar air
 - C ia boleh diterima ikan
 - D mengandungi khasiat yang ditentukan dan tidak mencemar air
7. Hormon-hormon yang digunakan untuk pembiakan aruhan ikan ialah
- A Ovaprim dan oestrogen
 - B Ovaprim dan progesteron
 - C Ovaprim dan Alpha-methyl-testosrone
 - D Ovaprim, Human Chorionic Gonadotropin dan Pituitary Gland

8. Nama saintifik ikan Empurau ialah
- A Tor duoronensi
 - B Tor tambroides
 - C Leptobarbus hosii
 - D Lepobarbus schwanenfeildii
9. Ikan yang tercungap-cunggap di permukaan kolam biasanya menunjukkan
- A ikan dalam keadaan lapar
 - B suhu air kolam terlalu tinggi
 - C kekurangan oksigen terlarut
 - D kepadatan fitoplanton terlalu tinggi
10. Yang manakah pemiliharaan ikan secara polikultur?
- A Kultur intensif ikan patin dalam sangkar
 - B Kultur intensif udang galah dalam kolam
 - C Kultur intensif ketam bakau dalam sistem kandang
 - D Kultur intensif ikan tilapia merah, ikan patin dan udang galah dalam satu kolam

SEKSYEN 1(B) : Soalan Pendek (20 markah)

Berikan jawapan yang ringkas bagi soalan berikut.

Soalan 1

Senaraikan **DUA (2)** objektif umum Program Pembangunan Perikanan Darat Sarawak.

(4 markah)

Soalan 2

Senaraikan **DUA (2)** strategi pembangunan Program Pembangunan Perikanan Darat.

(4 markah)

Soalan 3

Nyatakan **DUA (2)** objektif State Fisheries Ordinance, 2003.

(4 markah)

Soalan 4

Senaraikan **EMPAT (4)** jenis peralatan menangkap ikan yang dikecualikan dari peruntukan Seksyen 10, State Fisheries Ordinance, 2003.

(4 markah)

Soalan 5

Senaraikan **EMPAT (4)** jenis projek yang mendapat bantuan daripada Aktiviti Unit Bantuan Perikanan (FAU).

(4 markah)

SEKSYEN 2 : Soalan Pendek (60 markah)
Jawab empat (4) soalan sahaja daripada enam soalan berikut.

Soalan 1

Sebelum menjalankan prosedur pembiakan, anda harus memilih induk-induk ikan yang cukup matang. Senaraikan DUA (2) sifat ikan jantan dan TIGA (3) ikan betina yang harus diambil perhatian dalam proses pemilihan.

(15 markah)

Soalan 2

Terangkan teknik penyediaan kolam nurseri dan pengurusan benih ikan sehingga ia boleh dituai.

(15 markah)

Soalan 3

Terangkan aliaran kerja bagi proses pelaksanaan Projek Akuakultur Komersial.

(15 markah)

Soalan 4

Huraikan secara ringkas penyediaan kolam ternakan ikan sebelum ikan boleh disimpan di dalam kolam tersebut.

(15 markah)

Soalan 5

a) Apakah makna IFPAC?

(3 markah)

b) Senaraikan **EMPAT (4)** fungsi IFPAC.

(12 markah)

Soalan 6

Terangkan **TIGA (3)** cara mengangkut ikan hidup.

(15 markah)